

Saranan buat bekas pelatih PLKN



Penyampaian Sijil Tamat Latihan Khidmat Negara Kumpulan 3 Siri 14, 2017 di Kem PLKN Jugra kelmarin disampaikan oleh Shaharudin.



Sebahagian peserta PLKN bergambar bersama tetamu yang hadir dalam Majlis Perasmian Penutup Program Latihan Khidmat Negara Kumpulan 3 Siri 14, 2017 di Kem PLKN Jugra kelmarin.

Khidmat mereka diperlukan dalam aktiviti kemasyarakatan

JUGRA - Persatuan Veteran menarangkan bekas pelatih Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) berkhidmat dalam Briged Sukarelawan Khidmat Negara (BSKN) supaya

mereka berupaya menyumbang tenaga dengan mana-mana aktiviti kemasyarakatan.

Timbalan Presiden Persatuan Veteran, Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Kapten (B) Shaharudin Omar berkata, sepanjang lapan minggu berada di kem latihan khidmat negara, pelatih diterapkan dengan pelbagai modul bagi mencapai tujuan menjadikan generasi muda warganegara Malaysia yang cergas dan berkeyakinan diri selain mempunyai perasaan cintakan negara.

Menurutnya, bila diteliti tujuan utama program adalah untuk membentuk masyarakat berdisiplin, bersemangat tinggi dalam menghadapi sebarang cabaran.

"Kerana itulah PLKN yang dilaksanakan ini unik jika dibandingkan dengan negara lain. Di sini ia dilaksanakan secara ala Malaysia bagi mencapai keperluan negara.

"Di kebanyakan negara berteraskan ketenteraan tetapi Malaysia adalah sebaliknya bagi menentukan kesinambungan program termasuk

menubuhkan BSKN bertujuan supaya bekas pelatih PLKN mampu menyumbang tenaga dengan menyertai aktiviti kemasyarakatan selepas ini," katanya ketika berucap pada Majlis Perasmian Penutup Program Latihan Khidmat Negara Kumpulan 3 Siri 14, 2017 di Kem PLKN Jugra kelmarin.

Shaharudin berkata, jika negara berlaku sesuatu bencana seperti tanah runtuh dan banjir mereka antara insan yang diharapkan sekali gus seiring dengan penubuhan 1M4U,

INFO • PLKN yang dilaksanakan di negara ini unik jika dibandingkan dengan negara lain. Di sini ia dilaksanakan secara ala Malaysia bagi mencapai keperluan negara

beliau turut ingin melibatkan BSKN supaya dapat bekerjasama dalam aktiviti kemasyarakatan di seluruh negara secara aktif.

Penduduk serius sahut saranan perangai denggi

SEPANG - Penduduk Taman Pantai Sepang Putra di sini, sahut saranan kerajaan dalam usaha menangani masalah penularan denggi.

Pengerusi Combi Zon Sepang Putra, K Meygala berkata, Unit Vektor Pejabat Kesihatan Daerah Sepang sebenarnya telah menarangkan kepada kawasan-kawasan yang terlibat dalam program Pencegahan Denggi mengambil inisiatif ini bagi menubuhkan pasukan Combi (Program Komunikasi Untuk Perubahan Tingkah Laku) bagi memantau kawasan-kawasan bermasalah.

Menurutnya pada 18 November lalu, Pejabat Kesihatan Sepang telah melantik Jawatankuasa Combi dalam kalangan penduduk Taman Pantai Sepang Putra semasa program Polis dan Masyarakat Berpisah Tiada bagi melibatkan pelbagai agensi-agens kerajaan itu.

"Jawatankuasa yang dilantik telah diberi taklimat dan pendedahan mengenai tanggungjawab serta gerak-kerja Combi dalam aktiviti-aktiviti pencegah denggi dan gotong-royong yang akan dilaksanakan.



Antara aktiviti ahli Combi Zon Sepang Putra yang aktif turut berjumpa penduduk setempat memberi penerangan mengenai bahaya denggi.

"Saya sendiri telah memohon kerjasama dari beberapa zon kediaman dan taman perumahan berdekatan untuk adakan gotong-royong melibatkan Majlis Perbandaran Sepang, Ahli Dewan Undangan Negeri, Sungai Pelek, Unit Vektor Pejabat Kesihatan Sepang dan Jawatankuasa Combi," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Tambahnya, sepanjang kerja gotong-royong, terdapat pelbagai masalah di mana penduduk tidak mahu memberi kerjasama di dalam pelaksanaan gotong-royong.

"Penduduk dikatakan tidak

berpuas hati dengan tindakan kontraktor yang dilantik oleh pihak Majlis Perbandaran Sepang di mana sebahagian kerja-kerja pembersihan khususnya perparitan tidak dilaksanakan mengikut jadual dan parity yang rosak hampir setahun tidak dibaik pulih.

"Manakala sampah pukal yang diambil hanya sebahagian tempat dan tidak mengikut jadual ditetapkan. Kekecewaan penduduk Taman Kedidi itu dituahkan kepada pihak Combi dan persatuan penduduk agar membawa perkara ini ke peringkat atasan," katanya menceritakan pengalamannya berdepan dengan aduan.

Program Berkhatan Perdana 2017 berlangsung meriah, erat silaturahmi

JENJARUM - Program Berkhatan Perdana 2017 anjuran Komuniti 1 Malaysia, Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JKKKP) Kampung Jenjarum dan Persatuan Ibu Bapa dan Guru SK Jenjarum mendapat sambutan yang menggalakkan.

Pengerusi JKKKP Kampung Jenjarum, Ma'min Radiman berkata, program disertai 40 peserta kebanyakannya anak kampung sekali gus mengisi aktiviti musim cuti sekolah.

Beliau juga bangga apabila dapat menganjurkan program yang

dapat menyatupadukan masyarakat di kampung berkenaan.

"Tidak kira ibu bapa, serta saudara mara dilihat turut berkumpul bagi merayakan anak-anak yang terlibat dalam program berkhatan itu. Ini antara program besar di kampung ini yang melibatkan ibu bapa dan anak-anak, jadi harap sangat ia bakal menjadi kenangan kepada anak-anak yang bersetuju memilih berkhatan beramai-ramai di kampung sendiri," katanya.

Hadir sama, Pegawai Penerangan Daerah Kuala Langat, Amat Satem Timun.



Sebahagian peserta berkhatan berarak sebelum majlis dimulakan.